

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(X)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH  
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

6. Adakah kerajaan bercadang menghadkan masa operasi pusat-pusat hiburan lebih awal daripada had masa operasi sekarang ini dalam usaha mengawal kejadian pemandu memandu dalam pengaruh alkohol di Pulau Pinang?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri sememangnya mengambil serius apabila terdapat kes pemandu yang didapati memandu di bawah pengaruh alkohol terutama sekali sekiranya pemandu mabuk tersebut mengakibatkan kematian pengguna jalan raya yang lain.

Pada ketika ini, pengusaha pusat-pusat hiburan adalah tertakluk kepada syarat jualan minuman alkohol (*liquor* / arak) di bawah Akta Eksais 1976 dan Peraturan-Peraturan Eksais 1977 yang telah menetapkan had masa jualan mengikut jenis / kelas jualan seperti berikut:-

(a) Kategori: Rumah Awam

<b>Jenis/Kelas</b>	<b>Had Masa Jualan</b>
Rumah Awam Kelas 1	10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam
Rumah Awam Kelas 2	10.00 pagi hingga 10.00 malam
Rumah Awam Kelas 3	10.00 pagi hingga 9.00 malam

(b) Kategori: Rumah Bir

<b>Jenis/Kelas</b>	<b>Had Masa Jualan</b>
Rumah Bir Kelas 1	10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam
Rumah Bir Kelas 2	10.00 pagi hingga 10.00 malam

Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan had masa operasi pusat-pusat hiburan lebih awal daripada had masa operasi sekarang sebagai usaha untuk mengawal kes pemandu yang didapati memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian seperti yang berlaku kepada salah seorang daripada kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) iaitu Allahyarham Mohaidin Gani Mohamad berumur 58 tahun selepas motosikal ditunggangnya dirempuh kereta dipandu seorang pemandu yang dikatakan mabuk, berhampiran lampu isyarat simpang empat Jalan Dato Keramat, Georgetown pada 25 Oktober tahun lalu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan untuk membawa perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan supaya satu pindaan akta dapat dibuat terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi meningkatkan hukuman lebih berat kepada individu yang memandu secara berbahaya dan dalam keadaan mabuk hingga menyebabkan kematian.

Pada masa ini, mengikut undang-undang sedia ada, individu yang memandu dalam keadaan mabuk boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM6,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan manakala bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk hingga menyebabkan kematian pula, pesalah boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 44 (1) Akta 333 yang memperuntukkan hukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan didenda tidak kurang daripada RM8,000.00 dan tidak lebih daripada RM20,000.